

Headline	Perbincangan lanjut tangani kebakaran hutan, jerebu		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Oct 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	8	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	194 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,837
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,511



Perbincangan lanjut tangani kebakaran hutan, jerebu


CYBERJAYA - Malaysia akan mengadakan perbincangan lanjut dengan Indonesia berhubung bantuan yang diperlukan dalam menangani kebakaran hutan dan jerebu di rantau ini, kata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Wan Junaidi Tunaku Jaafar.

Katanya kira-kira 1.7 juta hektar hutan dan tanah terbuka di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia terbakar dan ia bukan mudah untuk dipadamkan memandangkan hujan tidak turun di kawasan terjejas.

"Ini bermakna Indonesia masih perlukan bantuan daripada kita," katanya sambil menambah beliau akan ke republik itu esok bagi mengadakan perbincangan dengan pihak Indonesia mengenai bantuan yang diperlukan.

Beliau juga berharap dapat berbincang dengan Menteri Alam Sekitar dan Perhutanan Indonesia Dr Siti Nurbaya Bakar berhubung perjanjian persefahaman antara Malaysia dan Indonesia untuk mencegah jerebu merentas sempadan yang masih belum ditandatangani, yang tertangguh berikutan jerebu teruk di negara itu.

Wan Junaidi berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan Ahli Lembaga



WAN JUNAIDI

Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia Sesi 2015-2017 di sini semalam.

Pada 11 Oktober lalu, Malaysia melalui Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) menghantar sebuah pesawat Bombardier CL 415 dan sebuah helikopter AS 365 N3 Dauphin untuk menyertai operasi memadam kebakaran di Sumatera Selatan.

Pesawat Bombardier yang menggunakan 'water scooping' dan 'water bombing' di kawasan terjejas berjaya melepaskan lebih satu juta liter air ke kawasan terjejas akibat kebakaran hutan dan tanah terbuka pada 20 Oktober lalu.

Wan Junaidi berkata pihak Indonesia memuji misi memadam kebakaran pertama negara di Sumatera yang amat berkesan.

"Memandangkan pe-

sawat tersebut perlu servis dan penyelenggaraan sebelum dihantar semula untuk misi seterusnya, kita sedia menghantar pasukan Bomba dan Penyelamat untuk memberi bantuan," katanya.

Sementara itu, Wan Junaidi berkata beliau akan mengusulkan kepada kerajaan untuk meminda undang-undang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) agar institut tersebut boleh menubuhkan syarikat sendiri dan mengkomersialkan penemuan dan menjana sumber kewangan sendiri.

Dengan itu, katanya FRIM boleh menarik pelabur untuk melabur dalam syarikat dan secara tidak langsung ia dapat menjana sumber kewangan tanpa meminta bantuan dari kerajaan.

"FRIM menerima lebih 120 anugerah kebangsaan dan lebih 70 anugerah di peringkat antarabangsa namun satu pun tidak mendatangkan hasil sumber kewangan malah institut masih bergantung kepada bantuan kerajaan

"Arahan sudah diberikan kepada peguam kementerian untuk mengkaji pindaan undang-undang tersebut," katanya sambil menambah bahawa proses tersebut akan mengambil masa. - *Bernama*